

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 SEPTEMBER 2023  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 5

Apa jangkaandua tahun pertama KSP RMK-12?

## Apa jangkaan dua tahun pertama KSP RMK-12?

**PETALING JAYA:** Pakar-pakar ekonomi meletakkan beberapa jangkaan khusus dalam tempoh dua tahun pertama Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang menyaksikan ekonomi negara berkembang antara 5.5 peratus sehingga 6.5 peratus.

Kerajaan diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan membentang Kajian Separuh Penggal (KSP) RMK-12 menerusi sidang khas Dewan Rakyat, Isnin ini disusuli perbincangan pada 12 hingga 14 September, manakala jawapan menteri pada 18 dan 19 September.

Bagi memastikan unjuran itu tercapai, pakar-pakar ekonomi berpandangan kerajaan harus membina ekonomi yang lebih berdaya tahan dengan mempelbagaikan sumber ekonomi, menggalak inovasi dan menarik pelaburan asing.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pensyarah Kanan

Jabatan Ekonomi dan Kewangan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Melaka, Dr. Mohamad Idham Md. Razak berkata, kadar pengangguran juga dijangka menurun kepada 3.5 peratus manakala kadar kemiskinan dikurangkan-kepada 2.0 peratus.

Oleh itu, katanya, kerajaan harus mempercepat pendigitalan ekonomi dan menjadikan Malaysia sebuah ekonomi digital yang terkemuka seperti melabur dalam infrastruktur internet berkelajuan tinggi, membangunkan tenaga kerja mahir dalam bidang teknologi maklumat dan menggalakkan penggunaan teknologi digital dalam semua sektor ekonomi.

Beliau mengunjurkan jurang pendapatan golongan kaya dan miskin mengecil dengan bilangan rakyat Malaysia yang mempunyai kemahiran digital meningkat sebanyak 15 peratus.

“Saya juga menjangka bila-



**Kadar pengangguran juga dijangka menurun kepada 3.5 peratus manakala kadar kemiskinan dikurangkan kepada 2.0 peratus.”**

ngan rakyat Malaysia yang tinggal di kawasan bandar meningkat sebanyak 10 peratus manakala bilangan graduan dengan ijazah STEM akan meningkat sebanyak 20 peratus.

“Namun, ini hanyalah sebahagian daripada jangkaan untuk dua tahun pertama RMK12. Harus diketahui, keputusan sebenar mungkin berbeza-beza

bergantung kepada beberapa faktor, seperti keadaan ekonomi global dan keupayaan kerajaan untuk melaksanakan rancangan itu dengan berkesan.

“Bagaimanapun, sekiranya kerajaan berjaya mencapai matlamatnya, maka, RMK-12 boleh meletakkan asas kepada Malaysia yang lebih makmur dan saksama untuk semua.

“Sebab itu kerajaan perlu bekerjasama rapat dengan sektor swasta dan masyarakat sivil untuk mencapai matlamatnya,” katanya ketika dihubungi semalam.

RMK-12 merupakan rancangan lima tahun (2021-2025) dibentang Kabinet terdahulu diterajui bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada September 2021, yang memperuntukkan sebanyak RM400 bilion untuk projek pembangunan sedia ada dan baharu.